

FOTO: MOHD SHUKOR AMIN

Jambatan undang maut

■ Penduduk mahu laluan alternatif dibaiki segera

Oleh Mohd Shukor Amin
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Sabak Bernam

Lebih 100 penduduk yang menggunakan Jambatan Sungai Lang, di sini, terpaksa bergadai nyawa setiap kali melintasi jambatan uzur sebagai jalan alternatif untuk ke kawasan berhampiran.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Ahmad Ikhsan berkata, jambatan diselia Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu tidak dibaik pulih sejak lebih lima tahun lalu.

Menurutnya, keadaan jambatan yang uzur turut menyebabkan seorang penduduk dari Kampung Sungai Tengar Utara maut selepas motosikal ditunggangnya terjatuh ke dalam parit berkenaan, bulan lalu.

“Walaupun ada berlaku kes kematian, pihak berkenaan seolah-olah tidak mengendahkan keperluan membina semula jambatan

ini dengan struktur lebih kukuh agar tidak mengundang ancaman keselamatan kepada penduduk setempat,” katanya.

Ahmad berkata, jalan itu sering digunakan penunggang motosikal untuk memancing selain sebagai jalan pintas ke Institut Perakuan Negara (IPN) dan Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS).

Katanya, jalan itu juga digunakan petani membawa tana-man pertanian untuk ke kebun serta ladang berhampiran dan keadaan itu sudah tentu menimbulkan kesulitan setiap kali mereka berulang-alik ke kawasan berkenaan.

“Kami bimbang jika keadaan ini tidak diatasi segera akan menyebabkan lebih banyak lagi nyawa terkorban. Janganlah tunggu ada yang terkorban baru tindakan diambil,” katanya.

Beliau berkata, jambatan

sepanjang dan selebar tiga meter itu dipercayai rosak selepas jambatan konkrit sedia ada di kawasan itu runtuh sebelum digantikan dengan jambatan kayu sementara bagi melintasi parit berkenaan.

Bagaimanapun katanya, jambatan kayu itu semakin usang dan mula mereput sehingga mengganggu penduduk yang menggunakannya.

“JPS perlu ambil langkah proaktif memastikan jambatan sedia ada itu dibaik pulih.

Jalan ini dianggap sebagai alternatif, tetapi penunggang motosikal lebih selesa menggunakan jalan ini untuk menjalankan urusan masing-masing,” katanya.

Sementara itu,

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Air Tawar Kamarol Zaki Abdul Malik berkata, JPS seharusnya turun padang melihat sendiri aduan ini bagi memastikan keselamatan penduduk tidak dipertaruhkan dengan menggunakan jalan berkenaan.

“Peruntukan segera amat diperlukan bagi memastikan jambatan ini dibina dengan lebih kukuh agar tidak mengundang bahaya kepada sesiapa yang melaluinya,” katanya.

FAKTA
Jambatan uzur sepanjang dan selebar tiga meter



KAMAROL Zaki (kanan) bersama Ahmad (kiri) meninjau keadaan jambatan uzur.